

Program Jom Masuk U 2024, Zon Timur II

UMPSA sasar lebih 20,000 pengunjung



Karnival sedia 70 reruai bantu pelajar pilih kursus sesuai di IPT

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Lebih 20,000 pengunjung disasarkan pada Program Jom Masuk U 2024 (JMU2024) Zon Timur II anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Strategik Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) pada 1 dan 2 Jun ini di Kompleks Sukan UMPSA, Gambang.

Siri jelajah JMU 2024 sejak 4 Mei 2024 hingga 9 Jun di 10 zon terpilih seluruh negara merupakan

pusat sehati pendidikan tinggi negara yang menghimpunkan institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta; institusi latihan kemahiran awam dan swasta; agensi pembiayaan dan penajaan; pengesahan kelayakan; termasuk siri perkongsian yang berfaedah kepada semua.

Karnival ini bakal menyaksikan lebih 70 reruai berkaitan pendidikan tinggi yang ditawarkan institusi pendidikan tinggi di bawah KPT yang merangkumi universiti awam (UA), IPT swasta, politeknik, kolej komuniti serta penglibatan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Terdapat juga pameran universiti awam dan IPTs, agensi penajaan, sesi konsultasi UPUOnline, konsultasi penajaan/ biasiswa/ pinjaman dan bantuan kewangan pendidikan tinggi.

Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata bersesuaian dengan minggu cuti persekolahan ini, ibu bapa boleh membawa anak untuk

berkunjung ke program JMU 2024 di UMPSA Kampus Gambang.

Tengku Hassanal rasmi majlis

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibnu Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah yang juga Pro Canselor UMPSA berkenan berangkat mencemar duli menyempurnakan Majlis Perasmian Jom Masuk U 2024 (JMU2024) Zon Timur II pada 1 Jun ini di Kompleks Sukan UMPSA Gambang.

Yuserrie berkata, penganjuran Program JMU 2024 membantu membuka mata dalam membuat keputusan untuk memilih kursus sesuai dengan kelayakan serta mengatur laluan kerjaya bagi masa depan mereka.

JMU 2024 menyasarkan kumpulan pelajar yang menduduki

peperiksaan SPM, STPM, Matrikulasi, Asasi, STAM dan diploma/ setaraf termasuk pelajar sekolah menengah dan rendah supaya mereka mendapat pendedahan awal berkenaan laluan pendidikan tinggi.

"Ditambah pula pengumuman keputusan SPM Isnin lalu, pasti inilah masa untuk mereka mendapatkan nasihat pengajian yang sesuai minat dan pilihan dengan berkunjung ke JMU 2024 yang berlangsung selama dua hari," katanya.

Selain itu, katanya, pelaksanaan Laluan Pendidikan Graduan TVET: Penambahbaikan Laluan Pendidikan Graduan TVET, beri peluang lepasan diploma TVET melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi berdasarkan kesesuaian bidang berkaitan.

Justeru, lepasan diploma po-

liteknik melalui kolaborasi strategik Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) juga berpeluang menyambung pengajian ke peringkat sarjana muda (teknologi kejuruteraan) dalam bidang TVET.

Pelbagai aktiviti menarik ditawarkan sepanjang Jom Masuk U 2024 berlangsung antaranya Hari Terbuka UMPSA, Minggu TVET @ UMPSA, persembahan pelajar, forum dan bual bicara bersama alumni, Pod Cast TVET, pameran TVET dan STEM, demonstrasi dron, persembahan pelajar, Street Science, karnival keusahawanan, pertandingan mewarna Kanak-kanak, pemeriksaan kesihatan, pencarian bakat personaliti mahasiswa: Wartawan Kampus dan Jurufoto.

Turut menampilkan kelainan bagi Jom Masuk U Zon Timur II 2024 kali ini, pengaruh media sosial Amin X Abid bersama memeriahkan program.



Yuserrie Zainuddin